

20 JAN 1998

ANWAR: KEMUNGKINAN KADAR FAEDAH DINAIKKAN

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Terdapat kemungkinan yang kadar faedah akan dinaikkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Bagaimanapun, Anwar yang juga Menteri Kewangan tidak menyatakan bilakah ini akan berlaku.

"Pilihannya terletak pada Bank Negara untuk menentukan dasar kadar faedah." katanya selepas majlis dialog mengenai urusan pembiayaan untuk sektor-sektor produktif.

"Pilihan masih terbuka dan kita terpaksa menerima hakikat bahawa dasar kadar faedah adalah satu dasar yang perlu bagi menentukan keberkesanan regimen kewangan," tambahnya.

Beliau berkata kadar faedah semakin meningkat dengan ketara sejak beberapa bulan kebelakangan, sambil menambah bahawa bank pusat boleh mengurangkan ataupun menaikkan kadar faedah.

Pergerakan kadar faedah, jelasnya, tidak boleh dilihat secara berasingan dan perkembangan serantau perlulah diambil kira juga.

Bagaimanapun, katanya: "kita telah menyaksikan kadar faedah telah meningkat secara beransur-ansur dan saya berpendapat dasar sekarang pastinya terkawal.

"Saya fikir pilihannya kekal, kita tidak menyarankan bahawa kita menghadkan kadar faedah ke tahap yang ada sekarang," katanya sambil menambah bahawa Bank Negara turut mengambil kira keperluan untuk mengawasi dasar kewangan secara berkesan.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mencadangkan agar Malaysia menaikkan kadar faedahnya untuk membendung pertumbuhan berlebihan terhadap kredit.

Dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata bahawa kerajaan akan menimbangkan cadangan tersebut. -- BERNAMA

RAZ MA